


Bahagian A (15 markah)

Soalan 1 hingga soalan 3

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di atas soalan.



1 Lembu-kembu yang dipelihara oleh Pak Man itu tinggal di dalam _____.

- A reban
- B sangkar
- C kandang

Soalan 2 berdasarkan gambar di atas soalan.



2 Pekerja itu menghantar _____ di sekitar pekan Bukit Baru, Melaka.

- A surat
- B poster
- C barang

Soalan 3 berdasarkan gambar di atas soalan



3 Encik Hasni dan pekerjanya sedang mengemas dan menghias _____.

- A surau
- B pejabat
- C sekolah

Soalan 4 hingga soalan 6

Pilih **penjodoh bilangan** yang sesuai untuk ayat

Soalan 4 berdasarkan gambar.



4 Rahman memasukkan beberapa _____ durian ke dalam piring kaca.

- A biji
- B ulas
- C helai
- D tandan

Soalan 5 berdasarkan gambar.



5 Encik Mohan membawa se _____senapang ketika bertugas.

- A kaki
- B pucuk
- C laras
- D batang

Soalan 6 berdasarkan gambar.



6 Nelayan itu menggunakan se _____ jala untuk menangkap ikan.

- A helai
- B rawan
- C keping
- D pasang

Soalan 7 dan soalan 8

Isi tempat kosong dengan **kata kerja** yang **paling sesuai**.

Soalan 7 berdasarkan gambar.



7 Encik Lim _____ racun serangga di belakang rumah.

- A merenjis
- B menyiram
- C menyimbah
- D menyembur

8 Abang Kamal _____ otak untuk mencari jawapan soalan matematik yang sukar itu.

- A memikir
- B memicit
- C memutar
- D memerah

Soalan 9 dan soalan 10

Isi tempat kosong dengan **kata adjektif (sifat kata)** yang **paling sesuai**.

- 9 Swee Mei tidak _____ duduk seorang diri di rumah di waktu malam.
- A rindu
 - B sedih
 - C berani
 - D gembira
- 10 Pelawak yang berasal dari Sabah itu mempunyai suara yang _____.
- A lazat
 - B bersih
 - C selesa
 - D lantang

Soalan 11 dan soalan 12

Pilih ayat yang **betul**.

- 11
- A Susun buku cerita itu dengan kemas.
 - B Di sana ada tiga buah sewa rumah.
 - C Kami akan berkhemah di sini nanti petang.
- 12
- A Sapulah ubat ini kamu agar sembuh cepat.
 - B Dia lambat ke sekolah kerana kereta ketinggalan.
 - C Saya telah berkawan dengannya sejak kecil lagi.
 - D Telefonlah sebelum kamu bergerak rumah dari kamu.

Soalan 13 hingga soalan 15

Teliti gambar yang disediakan. Jawab **soalan-soalan** di bawah ini.



13 Berdasarkan gambar di atas, situasi tersebut berlaku di

- A pasar.
- B rumah.
- C sekolah.

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah



14 Encik Lim sedang _____ makanan yang lazat sebagai hidangan sarapan pagi.

- A memasak
- B menyuap
- C menyudu
- D membungkus

15 Berikut adalah **aktiviti** yang terdapat dalam gambar di atas, **kecuali**

- A makan bersama-sama.
- B menonton televisyen.
- C berbual-bual mesra.
- D bersarapan pagi

[15 markah]

Bahagian B (10 markah)

Soalan 1

Baca petikan dengan teliti, kemudian jawab **soalan-soalan** yang berikutnya.



Hari Sabtu yang lalu, Sekolah Kebangsaan Seri Ampang (SKSA) telah mengadakan aktiviti membersihkan dan menceriakan kawasan sekolah. Mereka membersihkan kelas, bilik darjah, kantin, stor alat sukan, dan bilik-bilik khas secara gotong-royong.

Sebelum memulakan aktiviti tersebut, guru penolong kanan HEM telah menyampaikan taklimat kepada semua murid yang terlibat.

Murid-murid itu telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Mereka membersihkan kelas dan kawasan sekolah dengan gembira. Kira-kira pukul 12:30 tengah hari, semua kerja telah selesai. Murid-murid menikmati jamuan yang disediakan. Mereka makan dan minum sebelum pulang.

- (a) Taklimat gotong-royong kepada murid-murid itu telah disampaikan oleh

_____.

[1 markah]

- (b) Di manakah aktiviti gotong-royong itu dijalankan?

_____ [2 markah]

- (c) Bilakah aktiviti gotong-royong itu dapat diselesaikan?

_____ [2 markah]

Soalan 2

Pilih perkataan yang **sesuai** untuk diisi pada **tempat kosong** dalam petikan.

ketika

supaya

sambil

kecuali

apabila

sementara

sewaktu

walaupun

Damia, Mei Mei dan Shanti berlari-lari anak menuju ke pondok menunggu bas.

_____ menunggu bas sekolah tiba, mereka membaca buku cerita.

_____ mereka sedang asyik membaca buku cerita, muncul Sumaren

_____ menegur mereka.

"Kamu bertiga sangat sayangkan masa terluang. _____
menunggu bas pun masih sempat membaca buku . _____ sekejap,
menimba ilmu mesti diteruskan juga," katanya.

[5 markah]

[10 markah]

Bahagian C (10 markah)

Soalan 1(a)

Lengkapkan **ayat** di bawah dengan memilih **perkataan sesuai** yang diberikan di sebelah kanan .



1. Ah Seng _____ di luar kelas bersama kawan-kawannya.

melukis

2. Abdul Hadi _____ cendawan di tepi pokok

rendang

3. Ah Seng dan kawannya sedang _____ gambar cendawan yang dijumpai.

mengutip

4. Mereka belajar di bawah pohon yang _____ di tepi bangunan sekolah.

belajar

5. Cuaca petang itu _____ dan selesa untuk belajar.

sesuai

[5 markah]

Soalan 1(b)

Baca dan fahami situasi di bawah ini. Kemudian, berikan **pendapat kamu** berdasarkan situasi tersebut.

Tulis jawapan kamu dalam **bentuk perenggan** dengan menggunakan **ayat yang lengkap**.

	Buah-buahan merupakan sumber vitamin bagi setiap orang. Pelbagai jenis buah-buahan ada dijual di pasaran. Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu makan buah-buahan dalam kehidupan seharian?		
kulit	buah-buahan	kesihatan	sempurna
tembikai	Jus minuman	mineral	berkhasiat

Pada pendapat saya, pengambilan _____ segar dan berkhasiat yang mengandungi vitamin, _____, dan glukos sangat baik sekali untuk pembesaran. **Selain itu**, pengambilan buah-buahan boleh menyihatkan _____ dan mata. **Kesimpulannya**, buah-buahan serta _____ yang kita ambil setiap hari dapat membina _____ yang cergas di samping minda yang cerdas.

[5 markah]

[10 markah]

Bahagian D (15 markah)

Soalan 1(a)

Baca dan lengkapkan **karangan fakta** di bawah dengan **jawapan yang betul**.



menarik minat

kaya dengan

keaslian

kesenian

Para pelancong

Negara kita Malaysia _____ tradisional pelbagai bangsa. Antaranya ialah ghazal ,boria, tarian joget dan wayang kulit. Selain itu kaum cina juga terkenal dengan kesenian tarian singa dan kaum India dengan kesenian muzik Tabla dan tarian Bharata Natyam..

Selain dipersembahkan di dalam negara, kesenian ini _____ orang ramai dan _____ luar negara. Kesenian tradisional yang pelbagai menunjukkan perpaduan kaum yang erat di negara ini. Kita haruslah berusaha untuk mengekalkan _____ yang terdapat dalam kesenian tradisional tersebut supaya disukai dan diminati generasi akan datang.

[5 markah]

Soalan 1(b)

Teliti bahan grafik di bawah ini. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**.

Baca dan lengkapkan **karangan** di bawah ini dengan **jawapan yang betul**.



Kita mestilah menjaga kebersihan _____ rumah dan persekitaran rumah kita. Tempat tinggal kita sepatutnya sentiasa _____ dan ceria. Oleh itu, sampah sarap hendaklah _____ di tempat yang disediakan.

Selain itu, kita perlu _____ keselamatan tempat tinggal kita. Kawasan yang _____ dan berbau busuk boleh menjadi tempat pembiakan lalat, lipas dan tikus. Binatang ini boleh menyebarkan wabak _____.

Kesimpulannya, kita wajarlah meluangkan lebih _____ untuk menjaga kebersihan dan keceriaan kawasan tempat tinggal kita. Tempat _____ yang bersih dapat _____ kesihatan dan kesejahteraan hidup kita _____.

[10markah]

[15 markah]